

# PM ajak rakyat hayati nilai murni

Oleh Mohd Shah Abdullah

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu semua pihak mengamalkan nilai pekerti tinggi supaya mereka mampu mempertahankan amanah bangsa dan memajukan negara.

Selain itu, kata Perdana Menteri, sifat amanah, berani, berdisiplin, rajin dan setia harus dimiliki oleh semua pihak supaya mereka menjadi warganegara yang kental peribadinya.

Beliau juga mahu setiap lapisan rakyat berusaha menjadikan negara lebih aman dan terhindar daripada unsur yang boleh menimbulkan

kekecohan serta perpecahan.

“Bagi menjamin pembangunan yang dikecapi sekarang berterusan serta menjayakan wawasan ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju, rakyat perlu terus berusaha lebih gigih dan tekun.

“Kemerdekaan memberi makna yang amat besar kerana ia menandakan bermulanya pemerintahan oleh rakyat tempatan yang akan menentukan nasib bangsa dan negara sendiri,” katanya dalam perutusan pada buku cenderamata sempena Hari Kebangsaan

ke-37, hari ini.

Perdana Menteri menegaskan, kemerdekaan negara juga menyumbang ke arah perpaduan dan keharmonian rakyat berbilang kaum, agama dan kebudayaan.

“Ini kerana tidak ada lagi penjajah untuk mengekalkan dasar pecah dan perintah. Dengan itu, kita dapat berpadu tenaga dalam usaha membangunkan negara dan meningkatkan taraf hidup rakyat,” katanya.

Menurut Dr Mahathir, tiada siapa boleh menafikan pemerintahan sendiri lebih mampu membangunkan negara dari-

pada penjajahan.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan, pemerintahan sendiri saja tidak mencukupi kerana banyak negara yang mencapai kemerdekaan tidak dapat dibangunkan bahkan merosot.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pusat Perayaan Hari Kebangsaan itu, Datuk Seri Sanusi Junid, berkata usaha menerap dan memupuk nilai murni menjadi tanggungjawab semua golongan dari pelbagai peringkat masyarakat.

Menurutnya, pemilihan tema perayaan *Nilai Murni Jayakan Wawasan* itu

menggambarkan pentingnya nilai murni sebagai asas kepada wawasan bagi menjadikan Malaysia negara perindustrian pada 2020.

“Satu daripada langkah ke arah mencapai hasrat wawasan negara ialah penerapan nilai murni yang dapat membentuk satu generasi berkualiti yang berupaya menghadapi dan mengatasi segala cabaran,” katanya.

Sanusi berkata, amalan nilai murni itu akan memantapkan lagi sifat terpuji yang dimiliki oleh rakyat negara ini sejak berkurun lalu.